

TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat Datuk Rosnah Haji
Abdul Rashid Shirlin**

Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

**Sempena Perasmian Kursus
Pengubahsuaian Bangunan (B28)
anjuran Pusat Khidmat Kontraktor
(PKK) dengan kerjasama Persatuan
Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM).**

15 Jun 2013 (Sabtu)

**Bertempat Di
Kompleks Tabung Haji,
Kota Kinabalu,
SABAH.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Majlis Perasmian Kursus Pengubahsuaian, di Kota Kinabalu.

Jutaan terima kasih, dan tahniah saya ucapkan kepada semua kontraktor yang telah bertungkus lumus dan berganding bahu bersama pegawai-pegawai daripada pihak Kerajaan dan Persatuan Kontraktor dalam memastikan kelancaran Perasmian program ini. Saya amat berharap semangat kesepakatan ini perlu diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan kursus pada kali ini. Ini mencerminkan komitmen tuan/puan untuk terus memajukan diri sendiri dan lebih bersedia untuk bergerak selari dengan perubahan persekitaran yang semakin pantas.

Saya percaya, kursus sebegini dapat memberikan pendedahan terhadap bidang baharu kepada kontraktor seterusnya dapat memberikan nilai tambah supaya para kontraktor Bumiputera lebih kompeten untuk bersaing mendapatkan kerja di pasaran.

Saya juga yakin bahawa program yang berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 15 hingga 16 Jun 2013 ini amat bermanfaat kepada para kontraktor kerana memberi ruang dan peluang untuk berinteraksi, berkongsi pengetahuan di samping memperolehi ilmu berkaitan pengubahsuaian bangunan.

KOMITMEN DAN KEPRIHATINAN KERAJAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kerajaan melalui PKK sentiasa berusaha untuk mempermudahkan lagi gerak kerja dalam menyediakan latihan dan kursus yang lebih dinamik kepada kontraktor. PKK sedang menyusun semula program-program latihan yang lebih fokus dalam melahirkan para kontraktor yang lebih berkualiti dan berdaya maju. Kursus-kursus teknikal seperti jeti dan jambatan, bekalan air, kalis air, *installer* IBS dan sebagainya akan dilaksanakan supaya para kontraktor dapat menambah bidang kerja pengkhususan sekaligus dapat bersaing untuk merebut peluang ekonomi dalam sektor pembinaan.

PKK juga memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan semua kontraktor Bumiputera terus mendapat pembelaan yang sewajarnya di samping membantu dalam meningkatkan kapasiti dan kompetensi para kontraktor.

Oleh yang demikian, saya menyeru para kontraktor yang mempunyai sebarang kesulitan dan masalah agar menyalurkan sebarang permasalahan terus kepada PKK cawangan negeri atau Ibu Pejabat sekalipun. Saya memohon kerjasama tuan/puan agar menggunakan saluran media komunikasi yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dan bukan saluran-saluran yang dapat mencalar imej Kerajaan untuk menyatakan pendapat dan aduan dan sebagainya.

KONTRAKTOR PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangannya para kontraktor dalam industri pembinaan untuk pembangunan negara. Kerajaan juga sedar perlunya para kontraktor melaksanakan projek dengan penuh komited agar setiap inci bangunan yang dibina dapat memberikan impak yang positif kepada rakyat seterusnya dapat mengerakkan agenda ke arah mencapai negara maju menjelang 2020.

Pada masa yang sama, kita perlu memastikan laluan ke arah transformasi tidak dipandang sambil lewa atau dianggap ringan. Setiap orang perlu terlibat dan bertanggungjawab membentuk Malaysia yang baharu demi kebaikan yang lebih besar bagi semua masyarakat. Kita perlu bijak berfikir dan memilih langkah. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada para kontraktor supaya merebut peluang untuk mengikuti kursus-kursus dan latihan yang disediakan supaya tuan/puan berdaya saing dalam sektor pembinaan di Negara kita.

Saya amat berharap para kontraktor Bumiputera lebih betanggungjawab dan berintegriti tinggi dalam melaksanakan sesuatu projek yang telah diamanahkan supaya tiada unsur ketirisan seperti mengsubkan projek kepada kontraktor lain, menjual sijil Bumiputera dan sebagainya.

Selain itu, saya menyeru para kontraktor supaya dapat mengambil inisiatif untuk memajukan diri dan syarikat melalui pengurusan kewangan yang cekap dan mempunyai ruang pejabat yang kondusif untuk melaksanakan kerja.

Suka untuk saya ingatkan bahawa tuan/puan amat bertuah berada dalam kelas G1 kerana Kerajaan masih membekukan pendaftaran kelas tersebut serta tidak membenarkan kontraktor kelas tinggi menurunkan kelas kepada yang lebih rendah agar para kontraktor mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk mendapatkan kerja. Oleh itu, para kontraktor perlu menyemai sikap bersyukur dan sentiasa berusaha gigih untuk memajukan diri dan syarikat untuk faedah kepada pembangunan Negara.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

Sesungguhnya pelaksanaan Kursus Pengubahsuaian ini merupakan satu program yang membantu para kontraktor Bumiputera dalam pelbagai aspek. Kejayaan program ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama erat pelbagai pihak termasuk Kerajaan, persatuan serta para kontraktor sendiri tanpa mengira latar belakang.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan program ini. Adalah diharapkan agar program ini dapat mengeratkan hubungan sesama kontraktor dan para pegawai, disamping dapat memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada hadirin sekalian berhubung pelaksanaan Kursus Pengubahsuaian.

Dengan lafaz Bismillahhirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Kursus Pengubahsuaian peringkat negeri Sabah pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.